

Senarai calon2 Gerakan ke PM

PULAU PINANG, Isnin — Parti Gerakan akan mengadakan satu mesyuarat tergepar bagi membincangkan strategi dan persiapan yang akan dibuat menjelang pilihanraya umum ini di Kuala Lumpur Rabu ini.

Setiausaha Agung Gerakan, Datuk Teh Ewe Lim berkata di sini hari ini mesyuarat itu juga akan menyediakan dan menganalisa secara terperinci calon-calonnya yang akan bertanding.

Katanya, satu senarai penuh nama-nama calon Gerakan yang layak bertanding akan disiapkan untuk diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed bagi diputuskannya.

Menurutnya, mesyuarat itu yang akan dihadiri oleh para pemimpin tertinggi Gerakan, akan dipengerusikan oleh Presidennya, Datuk Dr. Lim Kheng Yalk.

Mengenai calon-calon Gerakan, Datuk Teh membayangkan tidak banyak perubahan besar akan dilakukan kepada kedudukan wakil-wakil parti itu yang akan bertanding.

Datuk Teh membayangkan gerakan akan mencalonkan semula wakil-wakilnya yang ada di Pulau Pinang untuk bertanding dalam pilihanraya umum nanti.

Menurutnya, tidak ada sebab wakil-wakil yang ada itu digururkan kerana selama ini mereka telah memberi dan menunjukkan perkhidmatan yang baik dan boleh dibanggakan.

Pihaknya tidak menerima sungutan atau masalah dari orangramal terhadap wakil-wakilnya selama mereka menduduki kerusi masing-masing. — Bernama.